

15 SEP 2003

Mahathir-Tiba

DR MAHATHIR TIBA UNTUK LAWATAN SEHARI KE KELANTAN

KOTA BAHARU, 15 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini hari ini untuk lawatan kerja sehari ke Kelantan.

Perdana Menteri tiba dengan pesawat khas di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra Pengkalan Chepa di sini pada pukul 9.30 pagi dengan diiringi Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu.

Yang turut menyambut ketibaan beliau ialah isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali yang berada di negeri ini sejak dua hari lepas, Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Datuk Mustapa Mohamed, pemimpin parti-parti komponen Barisan Nasional di Kelantan dan ketua-ketua jabatan.

Dr Mahathir dan isteri terus menaiki kereta bagi menghadiri majlis perasmian Jambatan Sultan Ismail Petra di Tendong, Pasir Mas oleh Sultan Kelantan.

Jambatan sepanjang 960 meter itu yang membabitkan kos RM166 juta merupakan satu projek mesra rakyat yang dibina oleh Kerajaan Persekutuan.

Peletakan batu asas pembinaan jambatan berkenaan dilakukan oleh Dr Mahathir pada 26 November 1999, merupakan laluan ketiga selepas Jambatan Sultan Yahya Petra di sini dan Jambatan Pasir Mas-Salor yang merintang Sungai Kelantan.

Ketiga-tiga jambatan itu menghubungkan bandar Kota Baharu dengan Pasir Mas, Tumpat dan Pekan Golok di selatan Thailand melalui Rantau Panjang.

Jambatan baru itu juga akan dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas yang teruk dialami selama ini terutama pada musim perayaan.

Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah kemudiannya akan menghadiri majlis santapan tengah hari bersama Sultan dan Raja Perempuan Kelantan di Hotel Renaissance di sini.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno dijadual mengadakan perjumpaan dengan anggota Badan Perhubungan Umno Kelantan di hotel yang sama pada pukul 3 petang.

Pada pukul 3.30 petang, Perdana Menteri dijadual merasmikan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan peringkat negeri di Sekolah Menengah Tanah Merah (I), Tanah Merah.

Sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur, Perdana Menteri dan isteri akan menghadiri jamuan makan malam bersama pegawai dan kakitangan Kerajaan Persekutuan di Dewan Putra Kompleks Sekolah-Sekolah Wakaf Mek Zainab di sini pada pukul 8.45 malam.

--BERNAMA

ZI BD BK